

12/11/2003

Langkah elak keganasan bawa padah: Dr M

Sarban Singh

OKINAWA (Jepun): Tun Dr Mahathir Mohamad (gambar) berkata, ketika negara paling berkuasa menjadi paranoid mengenai cara menangani keganasan, langkah keselamatan yang diambil membawa lebih banyak keburukan berbanding serangan sebenar penganas.

Bekas Perdana Menteri berkata, serangan terhadap negara lain oleh negara kuasa besar ini juga bukan saja tidak mengurangkan keganasan, malah memburukkan lagi keadaan.

"Ini memperlihatkan negara paling berkuasa dunia tidak berupaya belajar daripada sejarah, seperti pengalaman di Vietnam atau pengalaman terbaru mereka sendiri di Afghanistan dan Iraq," katanya.

Beliau berucap pada Forum Globalisasi 2003 yang diadakan di pusat bandar raya Naha di sini, semalam. Ini adalah ucapan umum pertamanya selepas bersara 31 Oktober lalu. Dr Mahathir diiringi isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Bekas Presiden Soviet Union, Mikhail Gorbachev, dan bekas penasihat keselamatan Presiden Amerika Syarikat, Zbigniew Brezinsky, adalah antara penceramah pada forum bertemakan Demokrasi Dan Keselamatan Dalam Era Globalisasi.

Dr Mahathir berkata, langkah keselamatan yang diambil juga membawa lebih banyak keburukan hingga kini orang ramai diganggu terutama apabila mereka mengembara menggunakan penerbangan.

"Kerap kali mereka ditarik ke tepi dan tertakluk kepada pemeriksaan badan yang memalukan. Kesannya ialah orang ramai bukan saja takut untuk melancong, malah tidak suka berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata, ini menyebabkan kerugian besar kepada industri pelancongan, syarikat penerbangan menjadi muflis, pengurangan pelaburan asing, kemelesetan ekonomi dan ketidakupayaan sesebuah negara untuk memulihkan ekonomi.

Katanya, kos untuk langkah keselamatan itu dan kesannya amat besar dan ia akan menaikkan kos lebih tinggi pada masa depan kerana apabila ciri keselamatan longgar, serangan penganas mungkin berulang.

Dr Mahathir berkata, ketika tiada serangan penganas di Iraq dan tiada bukti bahawa negara itu terbabit dalam serangan itu, tindakan seumpamanya dilaporkan setiap hari terhadap angkatan tentera bersekutu yang menduduki negara terbabit.

Katanya, jika rakyat asing sebelum ini selamat di Iraq, kini kakitangan Bulan Sabit Merah dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga tidak selamat.

"Disebabkan itulah kini ada cakap-cakap mengenai tindakan untuk menyerang Syria dan Iran. Adakah kita benar-benar percaya bahawa orang Syria dan Iran akan bersikap lain daripada rakyat Iraq jika negara mereka diserang dan ditakluki?," katanya.

Ketika bercakap kepada wartawan Malaysia selepas itu, Dr Mahathir menyifatkan forum itu sebagai baik kerana ia menyediakan penceramah dan ahli panel, masa yang mencukupi untuk menjelaskan isu.

"Masa agak panjang untuk memperjelaskan sesuatu isu dengan sempurna tetapi sudah tentu ia tidak begitu panjang untuk anda bercakap segala-galanya. Bagaimanapun, kita berjaya menyampaikan pandangan kita dan juga mendengar pandangan orang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, ia adalah forum yang menarik kerana beliau boleh mendengar tanggapan orang lain yang berbeza terhadap beberapa isu.

Mengenai majlis yang akan dihadapinya selepas ini, bekas Perdana Menteri itu berkata beliau akan bercakap pada tiga persidangan antarabangsa bulan depan.

"Saya akan ke Fukuoka (Jepun) akhir bulan ini dan kemudian ada mesyuarat di Rome dan ke Korea. Secara amnya saya akan bercakap mengenai isu yang sama," katanya.

Apabila diberitahu bahawa rakyat Malaysia rindukan beliau, Dr Mahathir berkata beliau terharu dan menambah: "Bila orang rindukan saya, sudah tentu saya terharu tetapi lama kelamaan orang akan biasa dengan kepemimpinan baru".

Menjawab soalan, beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi harus dibiarkan untuk membuat keputusan mengenai pemilihan timbalannya dan menasihatkan ahli Umno untuk bertenang.

"Saya rasa adalah bertepatan untuk beliau membuat keputusannya sendiri dan mengumumkannya," katanya.